

28/10/2001

Fadzil beri syarat serah memorandum

ALOR STAR: Pas tidak akan menyerahkan memorandum mengenai konsep negara Islam yang sedang dirangkanya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jika parti itu tidak diberi peluang menjelaskannya di Parlimen dan disiarkan secara langsung menerusi televisyen.

Presidennya, Datuk Mohd Fadzil Noor mendakwa, tiada gunanya Pas mengemukakan memorandum itu jika konsep negara Islam menurut perspektif Pas diputarbelitkan oleh akhbar dan media elektronik.

Selain itu, Pas juga mahu kerajaan membenarkan media menyiarkan secara penuh tanpa mengubah memorandum berkenaan bagi membolehkan seluruh masyarakat Islam dan bukan Islam memahami konsep negara Islam sepenuhnya.

Sambil menyifatkan usaha Pas menyerahkan memorandum itu sebagai 'membuang masa' jika tuntutan itu tidak dipenuhi, beliau berkata, Pas menuntut sekurang-kurangnya tiga jam untuk memberikan penjelasan itu dan ia harus disiarkan secara langsung oleh televisyen.

"Kita akan hantar memorandum mengenai negara Islam kepada Dr Mahathir tetapi saya mahu Dr Mahathir mesti membenarkan kami membentangkannya secara langsung di kaca TV.

"Sebab beliau (Dr Mahathir) kata Pas hendaklah buat memorandum ini untuk diketahui semua rakyat. Kita nak minta paling kurang tiga jam, kalau dia tak boleh bagi tu, tak payahlah kita hantar... mengarut, buang masa.

"Nanti depa (mereka) putar belit, tak sampai kepada rakyat. Bagi peluang kami bercakap tiga jam dalam Parlimen secara terus-menerus ke seluruh negara.

"Bagi semua media siarkan sepenuhnya memorandum ini. Adakan forum dalam televisyen. Panggil semua wartawan, tanya kita sebab kita nak terangkan konsep negara Islam," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berceramah di Muassasah Darul Ulum, Pokok Sena dekat sini, malam semalam.

Sebelum ini, Mohd Fadzil dilaporkan berkata, memorandum konsep negara Islam Pas akan diserahkan kepada Perdana Menteri menjelang hujung tahun ini.

Beliau berkata, selagi Kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak meletakkan al-Quran sebagai sumber rujukan perundangan di negara ini, Pas tidak akan menerima pengisytiharan negara Islam oleh Perdana Menteri.

Ini kerana, hanya al-Quran seharusnya digunakan sebagai sumber rujukan perundangan dalam sesebuah negara Islam.

"Kita kena gambarkan negara Islam, adil saksama, tak tindas rakyat. Negara yang tak menghukum rakyat tanpa bicara.

"Umno patut gunakan televisyen, radio untuk bercakap mengenai Islam. Islam bagi Umno hanyalah nasyid, marhaban," katanya.

(END)